

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : My Putrajaya News

TARIKH : Selasa, 9 Januari 2018



### PNM Sediakan Pinjaman Buku Secara Online

09/01/2018



Perpustakaan Negara Malaysia

Choose Language : Malay

Home

e-Book List


Guide

Title / Publisher

Search

Login

Register




Read More



Read More



Read More



Read More



Read More



Read More

Pengguna boleh meminjam buku secara online di laman portal Perpustakaan Negara Malaysia.

KUALA LUMPUR – Seiring dengan kecanggihan teknologi kini, semua maklumat yang diperlukan boleh diakses diujung jari sahaja menggunakan pautan internet.

Sehubungan itu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyediakan kemudahan pinjaman buku secara online agar pengguna memperoleh maklumat secara atas talian dengan mudah tanpa perlu ke perpustakaan.

Pengguna yang ingin membuat pinjaman secara online daripada PNM hanya perlu mendaftar akaun secara percuma terlebih dahulu di laman rasmi PNM <http://www.pnm.elib.com.my>.

Setelah mendaftar, pengguna perlulah mengaktifkan akaun menggunakan akaun emel dan seterusnya boleh mengakses terus koleksi buku yang disediakan oleh pihak PNM.

Pengguna diberikan tempoh pinjaman buku secara online ini selama tujuh hari manakala selepas tujuh hari ia akan terpadam tetapi pengguna boleh meminjam kembali untuk meneruskan pembacaan.

Sementara itu, penyediaan buku secara atas talian ini masih lagi terhad tetapi akan dipertingkatkan dari masa ke masa oleh pihak PNM.